

KRITERIA PENILAIAN / PENJURIAN KATEGORI C (ANUGERAH PERUSAHAAN GRADUAN TERBAIK)

NO.	KRITERIA	MARKAH (%)
1.	<p>Inovasi & Tawaran Nilai</p> <p>1.1 Sejauh manakah inovasi dan tawaran nilai perniagaan mereka memenuhi keperluan pelanggan dan pasaran?</p> <p>1.2 Sejauh manakah kumpulan ini tahu mengenai pencapaian mereka dalam menjalankan perniagaan?</p> <p>1.3 Sejauh manakah produk/servis yang ditawarkan memenuhi keperluan ESG, Industri 4.0, pendigitalan dan sebagainya?</p>	<p>10%</p> <p>8%</p> <p>7%</p> <p>Jumlah: 25%</p>
2.	<p>Model Perniagaan yang Lestari</p> <p>2.1 Sejauh mana model bisnes mereka dapat memacu prestasi dan pertumbuhan perniagaan mereka?</p> <p>2.2 Adakah strategi harta intelek mereka dan adakah bisnes mereka mengambil berat akan kepentingan memelihara aset harta intelek?</p> <p>2.3 Sejauh mana bisnes ini berbeza berbanding pesaing mereka? Adakah ianya boleh bertahan untuk jangka masa panjang? Adakah risiko dari aspek individu serta bisnes dan langkah-langkah sewajarnya?</p>	<p>10%</p> <p>8%</p> <p>7%</p> <p>Jumlah: 25%</p>
3.	<p>Kadar Kebolehpasaran (Pelaburan) dan Keberhasilan dalam Aspek Kewangan</p> <p>3.1 Adakah kadar kebolehan pasaran produk atau perkhidmatan mereka memberi impak positif?</p> <p>3.2 Adakah modal permulaan perniagaan mereka berkembang dan adakah kadar pertumbuhan modal?</p> <p>3.3 Penilaian tahap keberhasilan dari sudut kewangan:</p> <p>i. Keuntungan Bersih (Net Profit): Ini adalah selisih positif antara pendapatan atau hasil penjualan dengan kos dan beban yang dikeluarkan. Keuntungan bersih yang meningkat menunjukkan keberhasilan dalam mencapai hasil positif dalam operasi kewangan.</p> <p>ii. Pendapatan Bersih (Net Revenue): Pendapatan bersih adalah jumlah pendapatan yang diperoleh selepas mengurangkan potongan, pulangan, dan yuran yang dikenakan terhadap</p>	<p>7%</p> <p>7%</p> <p>6%</p>

NO.	KRITERIA	MARKAH (%)
	<p>hasil penjualan. Pertumbuhan pendapatan bersih menunjukkan peningkatan aktiviti perniagaan.</p> <p>iii. Margin Keuntungan Bersih (Net Profit Margin): Ini adalah peratusan keuntungan bersih terhadap pendapatan. Margin yang lebih tinggi menunjukkan keberhasilan dalam menjaga kos dan meningkatkan keuntungan bersih.</p> <p>iv. Kadar Pertumbuhan Pendapatan (Revenue Growth Rate): Kadar pertumbuhan pendapatan merujuk kepada peratusan pertumbuhan pendapatan tahunan. Pertumbuhan pendapatan yang positif menunjukkan kejayaan dalam meningkatkan pangsa pasaran atau penghasilan.</p> <p>v. Aliran Tunai Bebas (Free Cash Flow): Aliran tunai bebas adalah jumlah aliran tunai yang diperoleh daripada operasi perniagaan selepas mengambil kira pelaburan dalam peralatan dan modal kerja. Aliran tunai bebas yang positif menunjukkan keberhasilan dalam menjana aliran tunai yang mencukupi untuk menyokong operasi dan pelaburan.</p> <p>vi. Kadar Hutang Terhadap Ekuiti (Debt-to-Equity Ratio): Ini adalah perbandingan antara jumlah hutang dengan jumlah ekuiti. Kadar yang lebih rendah biasanya menunjukkan risiko kewangan yang lebih rendah dan keberhasilan dalam menguruskan hutang.</p> <p>vii. Kadar Pulangan Pelaburan (Return on Investment - ROI): ROI mengukur pulangan pelaburan dalam projek atau aset tertentu. ROI yang positif menunjukkan keberhasilan dalam pelaburan.</p> <p>viii. Kadar Pendapatan Bersih Terhadap Aset (Return on Assets - ROA) / Kadar Pendapatan Bersih Terhadap Ekuiti (Return on Equity - ROE): ROA dan ROE adalah penunjuk yang mengukur berapa banyak keuntungan yang diperoleh syarikat daripada aset dan ekuiti, masing-masing. Kadar yang lebih tinggi menunjukkan keberhasilan dalam</p>	

NO.	KRITERIA	MARKAH (%)
	<p>menghasilkan keuntungan daripada aset dan ekuiti yang ada.</p> <p>*Nota: analisis kewangan ini memberi keputusan yang positif, layak mendapat markah.</p>	Jumlah: 20%
4.	<p>Potensi Pasaran & Strategi</p> <p>4.1 Sejauh mana usaha dan strategi pemasaran bisnis ini dibangunkan dan adakah ianya berpandukan keperluan/peluang dan cabaran semasa?</p> <p>4.2 Sejauh manakah bisnis ini diposisikan dalam pasaran dan adakah sebarang strategi diambilkira untuk perkembangan masa depan?</p> <p>4.3 Sejauh manakah strategi penjenamaan mereka menepati keperluan pasaran berdasarkan pengalaman?</p>	<p>5%</p> <p>5%</p> <p>5%</p> <p>Jumlah: 15%</p>
5.	<p>Impak Sosial & Impak Ekonomi</p> <p>5.1 Sejauh manakah bisnis ini memberikan impak kepada pelanggan, pemegang taruh dan masyarakat? Adakah bisnis ini telah membawa sebarang perubahan positif?</p> <p>5.2 Sejauh manakah bisnis ini menyumbang terhadap usaha menjana kekayaan dan mewujudkan peluang pekerjaan serta menepati agenda pembangunan nasional yang lestari?</p> <p>5.3 Sejauh manakah usahawan graduan ini menyumbang kepada pembangunan pendidikan di institusi ini sebagai seorang alumni?</p>	<p>5%</p> <p>5%</p> <p>5%</p> <p>Jumlah: 15%</p>